



Tarikh: 18hb Februari 2008

## **PERUTUSAN PILIHANRAYA UMUM**

Memandangkan negara kita sedang membuat persiapan untuk pilihanraya umum yang akan datang, kami menyeru agar semua penganut agama Kristian mengambil berat akan tanggungjawab kita sebagai warganegara yang baik dan melaksanakan hak anda untuk mengundi. Biasakanlah diri anda dengan prinsip-prinsip Injil terhadap isu-isu yang menjadi keutamaan kepada anda dan negara kita, serta maklumat calon-calon dan rancangan sesebuah parti politik. Berdoalah untuk pengertian dan memandangkan masa depan.

Untuk mengundi dengan penuh tanggungjawab, kami menyeru anda untuk mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

### ***A. Apakah yang diperkatakan oleh kitab Injil mengenai isu-isu utama yang menjadi kebimbangan kita?***

Berdasarkan suatu tinjauan pendapat yang dilakukan oleh akhbar *The Star*, kos sara hidup, isu-isu sosial, kadar jenayah dan pendatang asing tanpa izin merupakan isu utama yang menimbulkan kekhuatiran di kalangan mereka yang ditinjau. Sebagai penganut agama Kristian, kita juga turut merasa bimbang akan isu-isu yang sama dibimbangi oleh Allah.

Dalam kitab Injil kita belajar bahawa Tuhan adalah benar dan adil, pemurah dan penyayang. Walaupun Dia telah memberi kita kebebasan untuk memilih, namun adalah menjadi kehendak-Nya supaya semua manusia dapat menikmati sebuah kehidupan yang baik dalam masyarakat yang berlandaskan pegangan kerohanian dan nilai-nilai moral.

Allah mengkehendaki supaya ada kedamaian dan perasaan muhibah di kalangan rakyat. Dalam dan melalui kasih-Nya, kita telah dipanggil untuk memupuk semangat kejiranan dan membina keharmonian berasaskan prinsip saling hormat menghormati.

Ancaman terhadap ciptaan Allah adalah nyata pada hari ini. Allah telah memanggil manusia yang diamanahkan untuk melindungi sumber-sumber bumi demi manfaat keseluruhan ciptaan Allah.

### ***B. Parti Politik: Polisi dan Penunaian Janji***

*Nilailah parti-parti politik* berdasarkan polisi dan janji yang diberikan, serta pendirian mereka dalam pelbagai isu berkaitan soal keadilan dan sikap adil, hak-hak rakyat, perpaduan nasional, pembangunan ekonomi, perlindungan alam sekitar dan kesejahteraan mereka yang sakit, kurang upaya dan tidak berkemampuan. Adakah terdapat integriti, kejujuran dan keberkesanan? Adakah parti-parti politik telah menunaikan janji mereka? Adakah pandangan ahli politik dan polisi mereka mencerminkan piawaian Allah dan nilai-nilai seperti Kristus?



# PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA

---

# CHRISTIAN FEDERATION OF MALAYSIA

## **C. Calon-calon**

*Kajilah dengan teliti* keupayaan calon-calon dan tahap kebertanggungjawaban mereka serta integriti, nilai-nilai dan daya kepimpinan mereka. Perhatikan prestasi lepas serta pendirian mereka mengenai isu-isu berkaitan dengan hak-hak perlembagaan, kebebasan sivil dan kebebasan beragama. Adakah mereka sentiasa sedia dan rela ditemui?


BERUSAHALAH SEDAYA UPAYA UNTUK BERDOA bagi calon di kawasan anda, isu-isu yang telah dibentangkan di atas serta keputusan pilihanraya umum ini. *Agihkan masa untuk berdoa* setiap hari. *Kendalilah dan sertailah program-program doa* oleh gereja-gereja setempat. Adalah menjadi kewajipan kita terhadap Allah, diri kita sendiri, generasi akan datang serta untuk negara kita dalam mengerjakan dengan penuh tanggungjawab berdoa untuk hak demokratik kita untuk mengundi. Kita bersama-sama dengan semua rakyat Malaysia berhasrat untuk hidup dalam sebuah negara di mana setiap warganegara boleh menikmati kebebasan, kasih sayang, keadilan, kedamaian, kestabilan dan kemakmuran ekonomi.

Persekutuan Kristian Malaysia bersatu dengan semua rakyat Malaysia dalam menyampaikan hasrat agar KEMPEN PILIHANRAYA DIJALANKAN DENGAN ADIL serta tiada sebarang percubaan daripada ahli-ahli politik untuk memberi gambaran salah atau tidak tepat terhadap mana-mana agama, atau, menampilkan mana-mana komuniti agama secara tidak adil dan buruk demi kepentingan dan keuntungan politik.

KIRANYA ALLAH MEMIMPIN SETIAP KITA agar dapat membuat keputusan yang bijak semasa mengundi. Semoga keputusan yang dicapai semasa pilihanraya umum ini adalah adil dan mencerminkan hasrat rakyat Malaysia, dengan penuh kepercayaan bahawa kehendak Allah mengatasi segala hal perilaku manusia.

Semoga Tuhan Yesus Kristus memberkati semua. Terima kasih.


## **Jawatankuasa Eksekutif**



Bishop Paul Tan Chee Ing, SJ  
Pengerusi



Bishop Datuk John Lee  
Naib Pengerusi



Rev. Dr. Thomas Philips  
Naib Pengerusi



Rev. Eu Hong Seng  
Naib Pengerusi